Pakatan Cemari Hari Kebangsaan Dengan Tema Berbeza – Heng
Bernama
10 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Tindakan pakatan pembangkang yang sengaja memilih tema dan lagu Hari Kemerdekaan berbeza adalah percubaan jelas untuk mewujudkan keadaan huru-hara dalam negara, kata Pengerusi Biro Publisiti MCA Senator Datuk Heng Seai Kie.

Beliau berkata tindakan itu juga memusnahkan perpaduan negara sehingga mencemar kesucian sambutan Hari Kemerdekaan.

"Sambutan Hari Kemerdekaan bertujuan menyatupadukan rakyat, namun tindakan pakatan pembangkang membangkitkan isu tertentu serta menghasut sehingga menimbulkan kemarahan akan menjadikan peristiwa bersejarah ini bahan jenaka di peringkat antarabangsa, dan ini adalah keterlaluan.

"Selain itu, mempunyai tema yang berbeza di peringkat negeri akan mengundang kekeliruan, dan lebih teruk lagi, menyebabkan pergeseran di kalangan rakyat yang akan menjejaskan perpaduan," katanya dalam satu kenyataan Jumaat.

Sehubungan itu, Heng, yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menggesa semua rakyat Malaysia menolak tema alternatif Hari Kebangsaan pakatan pembangkang dan menyokong penuh tema kerajaan Persekutuan iaitu 'Janji Ditepati'.

"Pemimpin Pakatan sepatutnya bertindak secara rasional dan tidak mempolitikkan Hari Kemerdekaan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA
Source: http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687360